



PERBADANAN MUZIUM MELAKA

IKLAN JAWATAN KOSONG

TARIKH BUKA IKLAN : 09 SEPTEMBER 2024

Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) merupakan Badan Berkanun Kerajaan Negeri Melaka mempelawa Warganegara Malaysia keutamaan kepada **ANAK NEGERI MELAKA** berumur **tidak kurang daripada 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan dan berpengalaman bekerja bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

NAMA SKIM PERKHIDMATAN : PELUKIS PELAN (SENI BINA) JA19

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : Kejuruteraan

KUMPULAN PERKHIDMATAN : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)

TARAF JAWATAN : Tetap

BILANGAN KEKOSONGAN : 1

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : RM1,377.00 - RM4,052.00

KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM100.00

1. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan pada Gred JA19: RM1,377.00) atau
- b) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred JA19: RM1,435.12) atau
- c) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred JA19: RM1,493.24)

2. SYARAT MELAYU KELAYAKAN BAHASA: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

: Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan bagi skop kerja seni bina termasuk melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi, menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggarakan lukisan, menyediakan study model, menyediakan reka bentuk, menyediakan lakaran reka bentuk, menyediakan lukisan kerja, lukisan perunding, memantau maklum balas penilaian teknikal, melaksanakan audit kualiti (reka bentuk)/audit seni bina pembinaan dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan tugas-tugas berkaitan aspek reka bentuk dan seni bina.

4. KEUTAMAAN

: Mempunyai 3 hingga 5 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.

5. SENARAI BIDANG BERKAITAN PERINGKAT SKM

DI: Sila rujuk senarai bidang berkaitan di peringkat SKM yang diperakukan bersesuaian mengikut skim perkhidmatan di Laman Web EZSKim (pautan: <https://www.interactive.jpa.gov.my/ezskim/>).

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Jawatan PERZIM**.
2. Borang Perjawatan PERZIM dan syarat-syarat permohonan boleh dimuat turun dari laman web PERZIM: www.perzim.gov.my mulai pada **09 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)**.
3. Semua permohonan hendaklah menyertakan sijil atau dokumen berkaitan **YANG DISAHKAN** dengan tandatangan dan cop pengesahan sama ada oleh Pegawai Kerajaan (Gred 41 ke atas)/ Pengerusi Japerun/ Penghulu/ Pengerusi JPKK/ Sidang disetiap DOKUMEN WAJIB seperti berikut:
 - i. Sekeping gambar terkini berukuran pasport (gambar swafoto/ *selfie* tidak dibenarkan);
 - ii. Salinan Kad Pengenalan baru;
 - iii. Salinan Sijil Kelahiran;
 - iv. Lesen Memandu Kenderaan; dan
 - v. Salinan sijil/ kelulusan persekolahan; serta
 - vi. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah disertakan salinan Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini; dan
 - vii. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
4. Sila catat nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat apabila mengemukakan permohonan.
5. Pengurusan PERZIM berhak menolak dokumen permohonan yang tidak lengkap, tidak kemas, kotor dan terlalu banyak kesilapan serta pengesahan yang tidak layak. Jangan ubahsuai borang tersebut dan pastikan muka surat lengkap sebelum dicetak.
6. Semua dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Pengurus Besar
Perbadanan Muzium Melaka
Kompleks Muzium Negeri
Jalan Kota, 75000 Melaka
(u.p: Seksyen Khidmat Pengurusan)**

7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 18 SEPTEMBER 2024 (RABU) JAM 4.30 PETANG.**

8. Bukti penghantaran tidak boleh dijadikan sebagai sebagai bukti penerimaan. Kos penghantaran adalah dibawah tanggungan pemohon dan hanya Borang Permohonan Jawatan PERZIM secara bercetak sahaja diterima dan diproses.
9. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) BULAN DARI TARIKH TUTUP PERMOHONAN hendaklah secara **automatik** menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.